

Sinar Harian - Serap GST Dalam Harga

 Isnin, Jul 24 2017



Serap GST dalam harga

EMAS yang dijual secara atas talian (online) oleh peniaga online masih mempunyai cukai barangan dan perkhidmatan (GST).

Peniaga emas online, Nurul Hayati Romli berkata, emas online bukannya tidak ada GST tetapi telah diserap dalam harga yang dikenakan kepada pelanggan.

"Walaupun begitu, emas yang dijual masih murah berbanding kedai," katanya.

Menurutnya, ramai pembeli bertukar daripada membeli emas di kedai kepada online kerana banyak faktor, antaranya harga yang murah dan terdapat banyak penjual emas yang dipercayai di dalam pasaran.

Katanya, sejak berkecimpung dalam perniagaan emas online, jualan emas

meningkat dan menerima banyak permintaan.

Nurul Hayati berkata, tahun ini sambutan jualan emas masih sama kerana masyarakat ramai yang sudah celik emas.

"Biasanya pembeli memilih barang kemas mengikut bajet dan harga emas tidak pernah murah.

"Jika zaman dahulu harga emas adalah RM30 segram, mana mungkin kita boleh dapat harga seperti itu hari ini," katanya.

Menurutnya, harga emas semakin meningkat dan tidak pernah jatuh, yang mana pada 2014 emas berharga RM157 segram, kini RM199 segram.

Dia turut menasihati orang ramai untuk membeli emas jika mempunyai duit walaupun segram.

SH 24/7